



LEMBAGA
LEBUHRAYA
MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh tutup iklan, yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Lembaga Lebuhraya Malaysia :-

1. a) Jawatan : **JURUUKUR BAHAN GRED J41**
- b) Taraf Jawatan : Tetap
- c) Kumpulan : Pengurusan & Profesional
- d) Gred & Jadual Gaji : J41

P1T1 RM 2088.25 – P1T27 RM 4721.03

P2T1 RM 2184.26 – P2T27 RM 5015.88

P3T1 RM 2284.45 – P3T27 RM 5306.79

e) Syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- ii) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

f) Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Teknik bidang ukur bahan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruukur Bahan Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- i) mempunyai kelayakan di peringkat (e) di atas; atau

- ii) lulus peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Juruukur Bahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

g) Penetapan Gaji Permulaan

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

h) Tempoh Percubaan

Juruukur Bahan Gred J41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

i) Latihan

Juruukur Bahan Gred J41 boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

j) Kursus Induksi / Peperiksaan

Juruukur Bahan Gred J41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

k) Pengesahan Dalam Jawatan

Juruukur Bahan Gred J41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah

- i) memenuhi tempoh percubaan;
- ii) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- iii) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

l) Pergerakan Gaji Tahunan

Pergerakan Gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

n) Penilaian Tahap Kecekapan

Juruukur Bahan Gred J41 hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

2. a) Jawatan : **PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L 41**
- b) Taraf Jawatan : Kontrak
- c) Kumpulan : Pengurusan & Profesional
- d) Gred & Jadual Gaji : L 41

P1T1 RM 1989.45 – P1T24 RM 4700.07
P2T1 RM 2085.46 – P2T24 RM 4982.51
P3T1 RM 2185.65 – P3T24 RM 5274.82

e) Syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

i) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

ii) Lulus Peperiksaan akhir Peguam (*Bar Final Examination*) dan

iii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. a) Jawatan : **PEGAWAI TADBIR GRED N 41**
- b) Taraf Jawatan : Kontrak
- c) Kumpulan : Pengurusan & Profesional
- d) Gred & Jadual Gaji : N 41

P1T1 RM 1690.28 – P1T27 RM 4640.28

P2T1 RM 1784.90 – P2T27 RM 4918.55

P3T1 RM 1883.70 – P3T27 RM 5220.62

e) **Syarat Lantikan**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah Gred N41:P1T3);atau
- iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T4); dan
- iv) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. a) Jawatan

JURUTEKNIK AWAM GRED J17

b) Taraf Jawatan : Kontrak

c) Kumpulan : Sokongan

d) Gred & Jadual Gaji : J 17

P1T1 RM 843.06 – P1T26 RM 2325.37

P2T1 RM 896.00 – P2T26 RM 2452.46

P3T1 RM 950.45 – P3T26 RM 2583.95

e) **Syarat Lantikan**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

i) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J17:P1T9);dan

ii) Lulus Bahasa Malaysia /Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

f) **Penetapan Gaji Permulaan**

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 gred J17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

5. a) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17**
- b) Taraf Jawatan : Kontrak
- c) Kumpulan : Sokongan
- d) Gred & Jadual Gaji : N17

P1T1 RM 820.38 – P1T24 RM 2151.35

P2T1 RM 871.81 – P2T24 RM 2272.50

P3T1 RM 924.75 – P3T24 RM 2397.95

e) **Syarat Lantikan**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

ii) Sijil Perancang Bandar dan Wilayah daripada UiTM yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T6); atau

iii) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T8); atau

iv) Sijil dalam bidang Kejuruteraan Ukur Tanah atau Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Politeknik-Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T9); dan

v) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan **LLM (P) 7/2002** yang boleh diperolehi **mulai 2 Mac 2009** pada waktu pejabat sektor awam di alamat-alamat berikut:
 - a) Ibu Pejabat
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Km.6, Jalan Serdang- Kajang
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan
 - b) Pengarah Wilayah Utara
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Jambatan Pulau Pinang, Batu 7
Jalan Sultan Azlan Shah
1700 Pulau Pinang
 - c) Pengarah Wilayah Utara
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Jalan Sultan Azlan Shah (Utara)
31400 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
 - d) Pejabat Wilayah Timur
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Persimpangan Bertingkat
Kuantan – Pahang
56050 Kuantan
Pahang Darul Makmur
 - e) Pasukan Projek II (LPT 2)
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Bangunan Pusat IKS
Kawasan Perindustrian Ajil
21800 Ajil
Terengganu Darul Iman
 - f) Pengarah Wilayah Selatan
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Pejabat Penyelenggaraan
Senai
81400 Senai
Johor Darul Takzim
2. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah sampai sebelum atau pada **16 Mac 2009** dengan menyatakan nama jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat tersebut.
3. Sijil-sijil hendaklah diakui sah oleh pegawai dari **Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Penghulu/Ketua Kampung**.

ALAMAT PERMOHONAN

Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
KM. 6, JALAN SERDANG – KAJANG
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN
(U/P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

PERMOHONAN YANG BERIKUT AKAN DITOLAK

1. Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
2. Borang permohonan yang tidak lengkap
3. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
3. Diterima selepas tarikh tutup permohonan jawatan

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan pada tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.